



Kajian UPM dipaten di AS



Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman menunjukkan penylidikannya kepada Mejar Dr. Faiz Khaled.

PUTRAJAYA, 2 Sep – Hasil penylidikan pengkristalan protein dalam program angkawawan negara tahun lepas oleh penylidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menerima paten di Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini.

Enzim tersebut diberi nama 'Geobacillus Zalihae' sempena nama penylidik UPM Profesor Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman.

Raja Noor Zaliha berkata enzim yang dihasilkannya digunakan untuk tujuan industri seperti dalam pengeluaran bahan farmaseutikal, pencuci dan makanan tambahan.

"Dengan penemuan teknologi baharu ini dapat menjana pendapatan negara sekiranya ia dikeluarkan sendiri sekali gus menjualnya ke luar negara kerana potensi pasaran enzim yang besar," kata Zaliha.

Beliau turut menjangkakan apabila bahan kajian tersebut mula digunakan akan membuka peluang pekerjaan yang lebih meluas kepada rakyat.

Katanya penylidikan protein di angkasa lepas adalah penting kerana kristal protein yang lebih besar boleh dibentuk di situ.

"Kita boleh menghasilkan kristal protein yang dua kali ganda lebih besar daripada kristal protein yang dihasilkan di bumi.

"Kita perlukan kristal protein yang besar untuk melihat strukturnya, lebih besar strukturnya lebih mudah untuk mengetahui macam mana protein bertindak dan seterusnya kita dapat gunakan protein itu sepenuhnya," kata Zaliha.

Oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.